



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

PERATURAN PEMARKAHAN

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012**

TASAWWUR ISLAM

Kertas 1

**SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN A**

- 1.A
- 2.B
- 3.C
- 4.C
- 5.D
- 6.B
- 7.C
- 8.D
- 9.B
- 10.D
- 11.A
- 12.C
- 13.B
- 14.A
- 15.D
- 16.A
- 17.D
- 18.A
- 19.C
- 20.B

BAHAGIAN B

- 21.MUSHAF
- 22.SANAD
- 23.AR-RAHN
- 24.WAQI'YYAH
- 25.RUBUBIYYAH
- 26.BERSYUKUR/TAAT
- 27.ETIKA
- 28.KEMISKINAN/PENGANGGURAN
- 29.QISAS
- 30.TAKZIR
- 31.DIAT
- 32.HUDUD

SOALAN NO.33 HINGGA 36 BERDASARKAN PILIHAN JAWAPAN BERIKUT :

- MEMELIHARA AGAMA
- MEMELIHARA AKAL
- MEMELIHARA NYAWA (jawapan tidak perlu mengikut urutan)
- MEMELIHARA HARTA
- MEMELIHARA KEHORMATAN DIRI

37. ✓

38. X

39. X

40. ✓

SULIT

5226/2
Tasawwur
Islam
Kertas 2
Sept.2012
2 ½ jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012**

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Kertas ini mengandungi 8 halaman bercetak

Nombor Soalan	Jawapan	Markah																		
1 a.	Maksud Uluhiyyah ialah mengakui Allah SWT yang Maha Esa yang layak disembah, dipatuhi dan ditaati secara mutlak.	1 isi X 2m [2 markah]																		
b.	Dua peranan agama Islam dalam pembangunan tamadun manusia. P1 – Islam menghendaki umatnya berfikir secara kreatif dan inovatif. P2 – Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu pengetahuan. P3 – Islam mengatur peradaban dan akhlak terpuji untuk memastikan manusia dapat hidup aman dan bahagia di dunia dan akhirat. P4 – Islam menuntut penganutnya beramal dan berusaha untuk memajukan diri, bangsa dan negara.	2 isi X 2m [4 markah]																		
c.	Dua cara beradab kepada rasul. P1 – Sentiasa berselawat kepada rasul P2 – Beriman dengan ajaran yang dibawa oleh rasul P3 – Mengasihi dan mencintai mereka melebihi makhluk lain. P4 – Mengamalkan sunnah rasul dalam kehidupan seharian P5- Mentaati ajaran yang disampaikan oleh para rasul dengan hati yang ikhlas	2 isi X 2m [4 markah]																		
d.	<p>Dua perbezaan antara alam musyahadah dan alam ghaib.</p> <table border="1" data-bbox="308 1071 1209 1648"> <thead> <tr> <th></th> <th>Alam Musyahadah</th> <th>Alam Ghaib</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia</td> <td>Tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Boleh dimanfaatkan manusia untuk membina tamadun</td> <td>Untuk menguji keimanan manusia terhadap Allah</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Akal manusia mampu mentafsir, mengkaji dan menyelidik</td> <td>Akal tidak mampu memikirkan hakikat sebenar alam ghaib</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Kenikmatan yang diperolehi hanya bersifat sementara</td> <td>Kenikmatan yang dikecapi kekal buat selama-lamanya</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Manusia yang hidup dapat menyaksikan alam musyahadah</td> <td>Hanya manusia yang telah mati akan berada di alam ghaib seperti alam barzakh</td> </tr> </tbody> </table>		Alam Musyahadah	Alam Ghaib	1	Dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia	Tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia	2	Boleh dimanfaatkan manusia untuk membina tamadun	Untuk menguji keimanan manusia terhadap Allah	3	Akal manusia mampu mentafsir, mengkaji dan menyelidik	Akal tidak mampu memikirkan hakikat sebenar alam ghaib	4	Kenikmatan yang diperolehi hanya bersifat sementara	Kenikmatan yang dikecapi kekal buat selama-lamanya	5	Manusia yang hidup dapat menyaksikan alam musyahadah	Hanya manusia yang telah mati akan berada di alam ghaib seperti alam barzakh	2 isi X 2m [4 markah]
	Alam Musyahadah	Alam Ghaib																		
1	Dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia	Tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia																		
2	Boleh dimanfaatkan manusia untuk membina tamadun	Untuk menguji keimanan manusia terhadap Allah																		
3	Akal manusia mampu mentafsir, mengkaji dan menyelidik	Akal tidak mampu memikirkan hakikat sebenar alam ghaib																		
4	Kenikmatan yang diperolehi hanya bersifat sementara	Kenikmatan yang dikecapi kekal buat selama-lamanya																		
5	Manusia yang hidup dapat menyaksikan alam musyahadah	Hanya manusia yang telah mati akan berada di alam ghaib seperti alam barzakh																		
e. i.	Maksud ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau orang bukan Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar yang berdasarkan kepada al-Quran dan al-Hadis .	1 isi X 2m [2 markah]																		

e. ii	<p>Dua ciri ajaran sesat:</p> <p>P1 – Kepercayaan kepada rukun iman dan asas akidah yang bertentangan dan tidak selaras dengan al-Quran dan hadis</p> <p>P2 – Mempertikaikan kebenaran al-Quran dan hadis nabi sebagai sumber hukum</p> <p>P3 – Ketua kumpulan ajaran yang diamalkan mendakwa bahawa dia adalah nabi Isa, Imam Mahdi atau lain-lain istilah yang serupa.</p> <p>P4 – Mendewa-dewakan ketua ajaran tersebut secara berlebih-lebihan</p> <p>P5- Membawa ajaran bahawa penyatuan semua agama di dunia sebagai agama yang mesti diikuti</p> <p>P6- Mengubah suai ibadat dalam ajaran Islam seperti solat hanya memadai dengan niat sahaja dan sebagainya</p> <p>P7- Mengadakan hukum baru yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya.</p>	2 isi X 2m [4 markah]
2.a. i	<p>Dua prinsip Rabbaniyyah .</p> <p>P1 – Islam agama yang diwahyukan Allah.</p> <p>P2 – Islam bersih dan jitu daripada kekurangan.</p> <p>P3 – Seluruh alam dan isinya merupakan hak mutlak Allah.</p> <p>P4 – Allah sebagai pemberi peraturan hidup.</p>	2 isi X 2m [4 markah]
ii.	<p>Dua cara menghayati sifat Rabbaniyyah:</p> <p>P1 – Percaya dan yakin dengan segala rukun iman.</p> <p>P2 – Mengerjakan perintah Allah SWT seperti bersolat dan meninggalkan segala laranganNya.</p> <p>P3 – Berjihad dengan nyawa, harta benda dan fikiran untuk meninggikan syariat Islam.</p> <p>P4 – Bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari keredaan Allah.</p>	2 isi X 2m [4 markah]
b. i	<p>Maksud syumuliyah ialah lengkap iaitu agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna meliputi kehidupan di dunia dan di akhirat.</p>	1 isi X 2m [2 markah]
b.ii.	<p>Syumuliyah dalam bidang berikut:</p> <p>a: perundangan</p> <p>P1 – Keadilan Islam bersifat sejagat tanpa mengira pangkat dan darjat seseorang.</p> <p>P2 – Islam menetapkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.</p> <p>P3- Islam memelihara hak asasi manusia daripada dicerobohi.</p> <p>P4- Konsep pembalasan dalam perundangan Islam adalah merangkumi dunia dan akhirat.</p> <p>P5- Perundangan Islam membela golongan tertindas dan lemah dalam masyarakat.</p>	2 isi X 2m [4 markah]

SULIT	b: sosial P1 – Sistem Sosial Islam lengkap dan sempurna yang merangkumi dunia dan akhirat. P2 – Sistem Sosial Islam adalah sesuai pada setiap masa, tempat dan keadaan. P3 – Sistem Sosial Islam tidak membezakan warna kulit dan keturunan.	
C . i	Maksud murunah ialah luwes atau anjal, iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian namun masih tetap atas prinsip asasnya..	1 isi X 2m [2 markah]
ii.	Dua kelebihan sifat murunah ialah: P1 - Menunjukkan sifat toleransi ajaran Islam yang tidak bertentangan dengan Islam. P2 - Menunjukkan berhikmahnya Islam kepada kehendak hidup manusia. P3 - Menarik minat orang bukan Islam untuk memahami ajaran Islam dengan mendalam. P4- Menggalakkan umat Islam mentaati dan melaksanakan segala perintah Allah dengan sempurna. P5- Memastikan kesinambungan Islam dan ajarannya di dunia ini. P6- Islam mudah dan menyenangkan umatnya dalam urusan seharian.	2 isi X 2m [4 markah]
3 a) i.	Dua matlamat negara Islam: P1 – Untuk menegakkan perundangan dan hukum Allah SWT dalam negara. P2 – Untuk merialisasikan keadilan kepada rakyat. P3 – Untuk melaksanakan kebajikan kepada semua rakyat. P4- Untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.	2 isi X 2m [4 markah]
ii.	Dua tanggungjawab rakyat terhadap negaranya: P1 – Menumpukan taat setia kepada negara. P2 – Bekerjasama membanteras kemungkaran. P3 – Bekerjasama mempertahankan negara. P4- Menuntut ilmu pengetahuan. P5- Menghormati kebebasan beragama. P6- Menjaga keamanan dan keharmonian hidup negara. P7- Menjaga maruah dan nama baik negara. P8- Menasihati pemimpin dalam melaksanakan tanggungjawabnya.	2 isi X 2m [4 markah]
b.	Empat kelayakan hakim: P1 – Beriman dan bertakwa kepada Allah. P2 - Berilmu pengetahuan. P3 – Berfikiran waras dan sentiasa tenang. P4 – Berwibawa dan dihormati oleh orang ramai. P5- Bijaksana dan berpandangan jauh. P6- Berani dan tegas dalam menjalankan tugas.	4 isi X 1m [4 markah]

c. i	<p>Dua ciri sistem sosial Islam:</p> <p>P1 – Bersifat rabbani iaitu dicipta Allah SWT.</p> <p>P2 – Perhubungan sesama manusia adalah berdasarkan atas dasar takwa dan keimanan kepada Allah SWT.</p> <p>P3 – Sentiasa mengamalkan akhlak yang mulia dalam pergaulan.</p> <p>P4- Sentiasa mengutamakan kepentingan umum daripada kepentingan individu.</p> <p>P5- Pergaulan sesama manusia adalah mengikut lunas-lunas Islam.</p>	2 isi X 2m [4 markah]
ii.	<p>Dua tanggungjawab muslim terhadap masyarakat:</p> <p>P1 – Memelihara keamanan dan kesejahteraan hidup melalui semangat kerjasama dan saling hormat menghormati.</p> <p>P2 – Menyeru anggota masyarakat ke arah kebaikan dan mementingkan kebajikan.</p> <p>P3 – Mencegah perbuatan-perbuatan mungkar dan adat yang menyalahi peraturan agama.</p> <p>P4- Bekerjasama menjaga keselamatan dan keutuhan masyarakat daripada dicerobohi oleh unsur-unsur yang merosakkan perpaduan.</p> <p>P5- Bersama-sama menjauhi dan berusaha membanteras amalan-amalan negatif seperti khurafat, ajaran sesat dan budaya kuning daripada mempengaruhi pemikiran masyarakat.</p>	2 isi X 2m [4 markah]
4. a.	<p>Dua sebab manusia diberi kebebasan untuk memiliki harta.</p> <p>P1- Fitrah manusia sukakan harta.</p> <p>P2- Harta adalah perantaraan untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.</p> <p>P3 – Memberi ketenangan dan keselesaan hidup di dunia.</p> <p>P4- Galakan untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh.</p>	2 isi X 2m [4 markah]
b.	<p>Dua punca berlakunya pencerobohan harta</p> <p>P1- Meninggalkan ajaran Islam yang sebenar.</p> <p>P2- Terpengaruh dengan kemewahan dunia.</p> <p>P3- Perasaan tamak dan ingin cepat kaya tanpa melakukan usaha yang lebih.</p>	2 isi X 2m [4 markah]
c. i	<p>Dua kelebihan bekerja kerana Allah terhadap individu.</p> <p>P1- Melahirkan pekerja yang ikhlas kerana Allah SWT.</p> <p>P2- Melahirkan pekerja yang amanah dalam melakukan pekerjaan.</p> <p>P3- Melahirkan pekerja yang cekap dan bersungguh-sungguh.</p> <p>P4- Melahirkan pekerja yang bermotivasi.</p>	2 isi X 2m [4 markah]

ii.	<p>Dua langkah untuk meningkatkan kualiti kerja dalam Islam. P1- Sentiasa bekerja ikhlas kerana Allah SWT. P2- Sentiasa membuat perancangan yang rapi sebelum memulakan kerja. P3- Sentiasa berdisiplin dan menepati sasaran kerja.</p>	2 isi X 2m [4 markah]												
d.	<p>Dua perbezaan antara sistem muamalah Islam dengan sistem konvensional.</p> <table border="1" data-bbox="321 441 1177 787"> <thead> <tr> <th data-bbox="321 441 755 483">Sistem muamalah Islam</th> <th data-bbox="755 441 1177 483">Sistem konvensional</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="321 483 755 525">1. Tiada unsur riba dan penindasan.</td> <td data-bbox="755 483 1177 525">1. Berunsur riba dan penindasan.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="321 525 755 577">2. Melaksanakan syariat Islam dalam perniagaan.</td> <td data-bbox="755 525 1177 577">2. Sistem ekonomi berasas kapitalis.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="321 577 755 640">3. Menggalakkan manusia berbuat kebajikan.</td> <td data-bbox="755 577 1177 640">3. Lebih mengutamakan keuntungan.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="321 640 755 703">4. Mendapatkan harta dengan cara yang halal.</td> <td data-bbox="755 640 1177 703">4. Usaha tanpa mengira halal atau haram.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="321 703 755 787">5. Untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.</td> <td data-bbox="755 703 1177 787">5. Harta menjadi matlamat hidup.</td> </tr> </tbody> </table>	Sistem muamalah Islam	Sistem konvensional	1. Tiada unsur riba dan penindasan.	1. Berunsur riba dan penindasan.	2. Melaksanakan syariat Islam dalam perniagaan.	2. Sistem ekonomi berasas kapitalis.	3. Menggalakkan manusia berbuat kebajikan.	3. Lebih mengutamakan keuntungan.	4. Mendapatkan harta dengan cara yang halal.	4. Usaha tanpa mengira halal atau haram.	5. Untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.	5. Harta menjadi matlamat hidup.	2 isi X 2m [4 markah]
Sistem muamalah Islam	Sistem konvensional													
1. Tiada unsur riba dan penindasan.	1. Berunsur riba dan penindasan.													
2. Melaksanakan syariat Islam dalam perniagaan.	2. Sistem ekonomi berasas kapitalis.													
3. Menggalakkan manusia berbuat kebajikan.	3. Lebih mengutamakan keuntungan.													
4. Mendapatkan harta dengan cara yang halal.	4. Usaha tanpa mengira halal atau haram.													
5. Untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.	5. Harta menjadi matlamat hidup.													
5. a.	<p>Dua faedah mengamalkan perundangan Islam kepada masyarakat. P1- Mengelakkan perpecahan dalam masyarakat. P2- Mengukuhkan silaturrahim. P3- Melahirkan masyarakat yang sejahtera.</p>	2 isi X 2m [4 markah]												
b.	<p>Dua matlamat qadha dalam sistem perundangan Islam. P1- Menyelesaikan pertelingkahan antara kedua-dua pihak. P2- Memastikan pihak bertelagah menghormati keputusan mahkamah. P3- Memastikan hukuman yang dijatuhkan setimpal dan adil.</p>	2 isi X 2m [4 markah]												
c. i	<p>Maksud hukum wajib. Perintah Allah yang mesti dilaksanakan. Jika melakukan mendapat pahala dan jika meninggalkan mendapat dosa.</p>	1 isi X 2m [2 markah]												
ii.	<p>Dua hikmah penetapan hukum haram. P1- Memastikan manusia tidak melakukan kezaliman. P2- Memastikan manusia sentiasa berdisiplin. P3- Memastikan kepentingan diri manusia terpelihara. P4- Memastikan kehidupan manusia lebih aman dan sejahtera.</p>	2 isi X 2m [4 markah]												
d. i.	<p>Maksud jenayah dalam Islam. Setiap perbuatan yang diharamkan syarak sama ada terhadap nyawa, diri atau harta.</p>	1 isi X 2m [2 markah]												

ii.	Dua kepentingan hukum takzir dalam Islam. P1- Memberi pengajaran kepada masyarakat. P2- Menyedarkan pesalah. P3- Supaya manusia bertakwa.	2 isi X 2m [4 markah]
6. a. i.	Dua cara bagaimana al-Quran dapat menyelesaikan masalah kehidupan manusia. P1- Islam telah mensyariatkan pelbagai peraturan dan hukum dalam mengawal setiap aktiviti manusia / agar mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. P2- Islam telah menyediakan cara penyelesaian sesuatu masalah dengan terperinci dan bersistematik. P3- Islam menyediakan pembalasan ke atas semua perbuatan manusia sama ada di dunia dan di akhirat, di mana jika seseorang itu terlepas daripada menerima pembalasan semasa di dunia, dia akan mendapat pembalasan semasa di akhirat.	2 isi X 2m [4 markah]
ii.	Empat langkah penyelesaian masalah menurut Islam. P1- Mengenal pasti masalah yang berlaku. P2- Mengenal pasti punca masalah secara terperinci dan menyeluruh. P3- Membuat kaedah dan strategi untuk menyelesaikan masalah. P4- Menguji kaedah dan strategi untuk menyelesaikan masalah. P5- Melakukan penilaian semula terhadap strategi yang telah dilakukan.	2 isi X 2m [4 markah]
b.	Dua cara untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan. P1- Sentiasa belajar dengan bersungguh-sungguh. P2- Sentiasa menepati masa. P3- Sentiasa mengulangkaji pelajaran. P4- Sentiasa berdisiplin ketika belajar. P5- Sentiasa menghormati guru sepanjang masa. P6- Sentiasa menyayangi rakan dan orang lain. P7- Menyematkan budaya mencintai ilmu dalam kehidupan. P8- Berakhlak dengan akhlak mulia sepanjang masa.	2 isi X 2m [4 markah]
c.	Dua cadangan untuk membanteras gejala rasuah. P1- Menanamkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. P2- Mengadakan kempen kesedaran bahaya rasuah. P3- Mengingatkan tentang azab Allah SWT terhadap pesalah rasuah. P4- Penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas.	2 isi X 2m [4 markah]
d.	Dua kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam. P1- Mengukuhkan iman dan ketakwaan kepada Allah SWT. P2- Memperkukuhkan keperibadian muslim. P3- Mewujudkan perpaduan dan persaudaraan ummah. P4- Mewujudkan semangat juang dan bermotivasi.	2 isi X 2m [4 markah]

7 a.	<p>Dua punca berlakunya keruntuhan institusi perkahwinan.</p> <p>P1- Lalai tanggungjawab terhadap keluarga P2- Kurang penghayatan Islam. P3- Malas berusaha memenuhi keperluan keluarga P4- Gagal bertolak ansur.</p>	2 isi X 2m [4 markah]
b.	<p>Dua implikasi melayari internet tanpa batasan sehingga mencetuskan budaya kurang sihat dalam kalangan remaja masa kini.</p> <p>P1 – Mengabaikan pelajaran sehingga gagal dalam peperiksaan atau kehidupan. P2 – Melalaikan daripada melakukan ibadah kepada Allah sehingga menyebabkan mudah melakukan dosa dan maksiat. P3 – Membuang masa dengan perkara tidak berfaedah. P4- Menjejaskan kesihatan diri kerana mengabaikan cara hidup sihat. P5- Membazirkan wang kerana leka berterusan menggunakan wang/elektrik.</p>	2 isi X 2m [4 markah]
c.	<p>Jenayah pembuangan bayi menyumbang kepada berleluasanya masalah sosial dalam kalangan masyarakat.</p> <p>Dua sebab berlakunya jenayah tersebut:</p> <p>P1 – Kurangnya pendidikan dan penghayatan Islam. P2 – Kehilangan tempat bergantung kerana terlibat dengan zina. P3 – Kemampuan pemikiran yang lemah. P4- Desakan hidup kerana disebabkan taraf hidup yang rendah atau masih belajar/menuntut. P5- Pengaruh luar yang negatif dan merosakkan sehingga mendorong perbuatan tersebut.</p>	2 isi X 2m [4 markah]
d. i	<p>Dua kelebihan bekerja sendiri menurut Islam:</p> <p>P1 – Bebas membuat keputusan sendiri. P2 – Untung rugi ditanggung sendiri. P3 – Kepuasan daripada usaha sendiri.</p>	2 isi X 2m [4 markah]
ii.	<p>Dua kesan mempelbagaikan jenis muamalah kepada umatnya.</p> <p>P1 – Melahirkan semangat tolong menolong di kalangan anggota masyarakat contohnya orang kaya boleh menolong orang miskin memulakan perniagaan dengan mudharabah. P2 – masyarakat hidup aman dan harmoni kerana setiap orang dapat menikmati kemajuan ekonomi dengan cara mereka sendiri. P3 – masyarakat dapat menikmati ekonomi negara dengan lebih teratur dan tersusun kerana setiap urusan mereka dikawal oleh sistem muamalah yang pelbagai.</p>	2 isi X 2m [4 markah]